

Varieti baharu periuk kera

la berbentuk seakan-akan telinga berwarna hijau kekuningan dengan silinder lebih kecil

SERDANG

Kumpulan saintis Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menemui satu varieti baharu periuk kera atau *nepenthes rafflesiana* di Taman Negeri Rompin, Pahang dan Setiu Wetlands, Terengganu kira-kira dua bulan lepas.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, varieti terbaharu di Malaysia dan dunia itu, yang mempunyai bentuk seakan-akan telinga serta berwarna

hijau kekuningan hingga hijau kemerahan, manakala periuk atasnya mempunyai bentuk silinder lebih kecil, dinamakan zaba-wiana.

Beliau berkata, varieti terbaharu itu belum berdaftar atau diterbitkan dalam mana-mana dokumentasi, jurnal atau laporan yang telah ditentukan oleh pakar botani Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Emeritus Datuk Dr Abdul Latiff Mohamad.

Mohamad Zabawi dalam sidang akhbar selepas Sambutan Hari Biodiversiti Sedunia Peringkat Mardi di sini pada Rabu berkata, varieti baharu itu mampu tumbuh subur di kawasan tanah rendah, tahan lasak dan mudah dibiakkan menggunakan keratan batang serta berpotensi dikomersialkan se-



MOHAMAD ZABAWI

bagai tanaman hiasan.

"MARDI akan menjalankan penyelidikan lanjut mengenai enzim yang terdapat di bahagian bawah struktur periuk dan enzim berkenaan khusus untuk mencerna makanan atau serangga yang masuk ke dalam periuk itu

"Mungkin kita boleh kaji potensi kegunaan enzim periuk kera untuk tujuan ubatan dan pertanian," katanya.

Menyatakan di Malaysia setakat ini terdapat 14 spesies periuk kera, beliau berkata, periuk kera atau nama saintifiknya *nepenthes* ialah antara tumbuhan karnivor di Malaysia dan menjadi khazanah negara yang unik serta perlu dipelihara.

Pada majlis tersebut, Mohamad Zabawi mengumumkan MARDI memperoleh tiga pingat emas dan satu perak da-



Malaysia mempunyai 14 spesies periuk kera iaitu sejenis tumbuhan karnivor yang menjadi khazanah negara.

lam pertandingan di Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2023 pada Mac lepas, serta membawa pulang Anugerah Khas Menggunakan Bahan Asas Tempatan. - Bernama

Invention Society, Taiwan menerusi inovasi Ayam Saga dan Formulasi Makanan Ayam Menggunakan Bahan Asas Tempatan. - Bernama

BELOKANG

Kelulut musnah diserang beruang

54/25.05.23 / M/S 25

BANDAR PERMAISURI

- Seorang peserta Projek Ternakan Kelulut Komuniti Nelayan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Kampung Pengkalan Gelap dekat sini, kerugian kira-kira RM5,000 selepas sarang kelulutnya dipercayai dimusnahkan oleh beruang matahari.


Tengku Azam Tengku Mohammad berkata, kejadian kira-kira jam 10 malam Selasa itu turut menyebabkan beberapa peralatan ternakan kelulut musnah.

Katanya, dia terdengar bunyi bising di halaman rumah dan terlihat kelibat beruang yang sedang memusnahkan sarang kelulut untuk mengambil madu.

"Kejadian ini pertama kali berkali berlaku kepada saya, tetapi sehari sebelum ini dah berlaku serangan sama di Kampung Gong Batu.

"Semalam (Selasa) saya ada hubungi UMT dan nyatakan kerisauan tentang serangan tersebut, tak sangka cepat betul terjadi pada saya," katanya kepada Bernama.

Menurutnya, atas faktor keselamatan, laporan juga telah dibuat kepada



Beruang matahari memiliki deria bau yang kuat dan mampu menghidu madu walaupun dari jarak jauh.

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu supaya tindakan segera dapat diambil.

Sementara itu, Ketua Projek Ternakan Kelulut Komuniti Nelayan UMT, Prof Shamsul Bahri Abd Razak memberitahu, beruang matahari memiliki deria bau yang kuat dan sensitif sehingga mampu menghidu bau madu walaupun dari jarak jauh. Beliau yang juga Ketua

Kumpulan Penyelidik Lebah dan Kelulut (SIG) UMT berkata, kesukaran mencari makanan susulan habitat semula jadi haiwan liar itu semakin mengecil disebabkan aktiviti perladangan, pembangunan kawasan kediaman dan komersial menyebabkannya keluar.

"Musim cuaca kering menyebabkan bau madu sangat kuat dan mudah dihidu beruang yang memiliki deria bau sensitif," katanya.

SIRI GERBANG PUAKA

IMBAS QR UNTUK PEMBELIAN

RM14

www.karangkrat.com dan WhatsApp 019-2297227 atau hubungi kami di talian 03-5107480
 Juga di kedai berket...
 Karangkrat Sdn Bhd, No 10, Kompleks Komersial Karangkrat, Lot 1, Jalan Karangkrat 1/2, Off Persiaran Selatang, Seksyen 15, 42200, Shah Alam, Selangor, Malaysia.